

NO. SOALAN : 46

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TAN SRI DATO' SERI ABD KHALID BIN
IBRAHIM (BANDAR TUN RAZAK)**

TARIKH : 8 MAC 2016 (SELASA)

SOALAN :

Tan Sri Dato' Seri Abd Khalid bin Ibrahim minta **PERDANA MENTERI** menyatakan dapatan sebarang analisa ujian tekanan dan sensitiviti sejauh mana Malaysia mampu bertahan akibat junaman harga komoditi serta pelan tindakan jangka pendek, sederhana dan panjang menangani impak negatif sekiranya harga minyak terus jatuh sehingga ke bawah USD20/tong dalam tempoh yang panjang.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID B. OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Kejatuhan harga minyak dunia sejak pertengahan tahun 2014 adalah disebabkan oleh lebih dalam stok penawaran, pengurangan permintaan global serta peningkatan pengeluaran gas *shale* oleh Amerika Syarikat. Berdasarkan Laporan oleh *US Energy Information Administration* (EIA), purata penawaran minyak mentah dunia telah meningkat dengan ketara pada 2014-2015 daripada sekitar 93 juta tong sehari kepada 95 juta tong sehari dan dijangka meningkat kepada 96 juta tong pada 2016. Manakala purata permintaan minyak mentah pada 2014-2015 pula meningkat sekitar 92 kepada 94 dan dijangka sebanyak 95 juta tong sehari pada tahun 2016. Lebih penawaran ini telah menyebabkan harga minyak mentah dunia telah jatuh sebanyak 47.1 peratus daripada paras AS\$100 setong pada tahun 2014 kepada AS\$52 pada tahun 2015. Purata harga minyak mentah terus menurun, di mana bagi tempoh 2 bulan pertama 2016, ia berada pada paras AS\$32 setong.

Paras harga minyak yang rendah ini akan menyebabkan beberapa negara pengeluar minyak yang mempunyai kos pengeluaran yang tinggi terjejas teruk. Sebagai perbandingan, kos pengeluaran minyak yang tertinggi di kalangan 20 buah negara pengeluar minyak terbesar di dunia adalah di United Kingdom dengan anggaran AS\$52.50 setong manakala kos pengeluaran terendah adalah di Kuwait sebanyak hanya AS\$8.50

dolar setong, dan AS\$9.90 bagi Arab Saudi. Adalah dianggarkan pada paras harga minyak sebanyak AS\$32 setong, semua negara pengeluar minyak di rantau Asia Tenggara akan turut terjejas memandangkan paras *oil break-even price* mereka adalah melebihi AS\$32 setong, termasuk Malaysia.

Tidak dinafikan, sebagai sebuah ekonomi terbuka dan juga negara pengeluar minyak, perubahan kepada ekonomi dunia termasuk kejatuhan harga minyak mentah menimbulkan cabaran kepada Malaysia. Namun, dalam persekitaran harga minyak yang lebih rendah, negara kita masih mampu mencatat pertumbuhan sebanyak 5 peratus pada tahun lepas. Pertumbuhan ini didorong oleh manfaat kepelbagaian struktur ekonomi negara yang tidak terlalu bergantung pada mana-mana subsektor ataupun komoditi tertentu. Pada tahun 2015, sektor perlombongan hanya menyumbang 8.9 peratus kepada keluaran dalam negeri kasar (KDNK) manakala peratusan sektor perlombongan kepada keseluruhan eksport negara pula hanya 10.6 peratus sahaja.

Walaupun kejatuhan harga minyak mentah dunia tidak terlalu menjejaskan ekonomi Malaysia, namun ia telah mengurangkan kutipan hasil Kerajaan dalam jangka masa pendek. Namun, hasil dari usaha Kerajaan mengukuhkan kedudukan fiskalnya, pengurangan hasil berikut dapat diimbangi dengan kutipan hasil Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) yang telah dilaksanakan mulai 1 April 2015 serta peningkatan kecekapan dalam kutipan hasil.

Tuan Yang di-Pertua,

Berdepan dengan persekitaran ekonomi jangka pendek yang mencabar, Kerajaan sentiasa memantau kedudukan ekonomi dunia agar langkah-langkah pro-aktif sewajarnya dapat diambil. Dalam memastikan ekonomi Malaysia stabil dan kekal berdaya saing, keseriusan Kerajaan ditunjukkan dengan penubuhan Jawatankuasa Khas Ekonomi (JKE) pada 26 Ogos 2015 yang dianggotai oleh ahli korporat dan pegawai tinggi Kerajaan.

Berdasarkan hasil perbincangan JKE, YAB Perdana Menteri pada 14 September 2015 telah mengumumkan beberapa langkah pro-aktif yang bertujuan untuk menstabilkan pasaran kewangan, menyokong aktiviti perniagaan, meningkatkan kesejahteraan rakyat dan meningkatkan integriti institusi bagi mengekalkan keyakinan rakyat dan pelabur terhadap ekonomi negara. Terbaharu pada 28 Januari 2016 lalu, Kerajaan juga telah mengumumkan Pengubahsuaian Bajet 2016 untuk memastikan pertumbuhan ekonomi yang mampan, dan yang lebih utama, melindungi kebajikan rakyat. Langkah-langkah ini antara lain adalah untuk meningkatkan pendapatan boleh guna rakyat, mengurangkan kos sara hidup, meningkatkan pemilikan rumah terutama bagi golongan berpendapatan rendah, meningkatkan program latihan dan kemahiran termasuk pekerja yang diberhentikan, memaksimumkan punca pendapatan serta mengoptimumkan perbelanjaan Kerajaan.

Selain daripada langkah-langkah yang dinyatakan, strategi ekonomi makro jangka sederhana dan jangka panjang yang digariskan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK11) akan menumpukan kepada usaha memperkukuhkan asas ekonomi bagi memastikan

pertumbuhan yang mampan. Ini termasuk usaha berterusan dalam mempelbagaikan struktur ekonomi dan hasil negara, mempergiatkan pelaburan swasta, meningkatkan eksport, memastikan pengurusan fiskal yang berhemah dan menggalakkan peningkatan produktiviti dan inovasi serta memastikan kesejahteraan rakyat.

Tuan Yang-Dipertua,

Walaupun pelaksanaan tahun pertama RMK11 berdepan dengan cabaran harga minyak yang rendah, Kerajaan yakin bahawa fenomena berkenaan dapat ditangani melalui strategi dan langkah-langkah pengukuhan ekonomi negara yang telah digariskan. Pada masa yang sama, Kerajaan dari masa ke semasa akan terus memantau perkembangan ekonomi dunia dan menilai kesannya ke atas ekonomi negara.

Sekian, terima kasih.